

PERUBAHAN PEMBUATAN BATIK KAPAS DI TERENGGANU

NURUL ALIAH SOFEA BINTI MUHAMMAD BAKTI

Universiti Kebangsaan Malaysia

aliahsofea1711@gmail.com

*MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH**

Universiti Kebangsaan Malaysia

muammar@ukm.edu.my

*Penulis Koresponden

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan perubahan terkini yang berlaku kepada batik kapas sebagai salah satu daripada warisan batik Melayu tradisi di negeri Terengganu, Malaysia. Batik merupakan salah satu tekstil dalam warisan kesenian dan kebudayaan Melayu yang sangat berciri khas. Walaupun begitu, aspek penghasilan seni batik Melayu tradisi ini sering berubah mengikut kehendak dan tuntutan zaman. Oleh kerana keluwesan yang sedemikian, perusahaan batik tradisi ini masih dapat bertahan merentas zaman walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran dunia tekstil dan fesyen global. Namun, perubahan ini tidak dapat dibuktikan melainkan dengan dibuat kajian spesifik dan bersifat semasa mengenainya. Kawasan kajian yang dipilih adalah di Batik Desa Paloh yang terletak di Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu, Terengganu. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti latar belakang batik kapas dan aspek penghasilannya di masa kini serta menganalisis aspek-aspek perubahan pada padanya dan faktor-faktor perubahan tumpuan para pengusaha dari batik sutera kepada batik kapas. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan seperti tinjauan, temu bual berfokus dan rakaman fotografi. Data dianalisis menggunakan konsep perubahan. Hasil kajian menunjukkan batik kapas khususnya tidak mengalami perubahan dari segi material kapas yang digunakan untuk menghasilkannya. Namun, beberapa perubahan lain dapat dikesan seperti perubahan pada penghasilan corak motif, proses atau teknik penghasilan batik kapas, rekaan atau bentuk penggunaan dan sasaran para penggunanya oleh para pengusaha. Faktor-faktor perubahan tumpuan para pengusaha batik tempatan dari menghasilkan batik sutera kepada batik kapas secara meluas ialah faktor pemilihan motif, harga, permintaan, persekitaran, hubungan serantau dan kecanggihan teknologi.

Kata kunci: batik kapas; batik sutera; tekstil; Terengganu; warisan

CHANGES IN THE MANUFACTURING OF COTTON BATIK IN TERENGGANU

ABSTRACT

This study aims to discuss the latest changes that have occurred to cotton batik as one of the traditional Malay batik heritages in the state of Terengganu, Malaysia. Batik is one of the textiles in the Malay artistic and cultural heritage that is very special. Even so, the production aspect of this traditional Malay batik art often changes according to the needs and demands of the times. Due to such flexibility, this traditional batik industry is still able to survive through the ages despite having to face various challenges in the global textile and fashion world. However, this change cannot be proven except by making specific and current studies about it. The selected study area is in Batik Desa Paloh which is in Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu, Terengganu. The objective of this study is to identify the background of cotton batik and aspects of its production in the present as well as analyse the aspects of change in it and the factors that change the focus of entrepreneurs from silk batik to cotton batik. This study was conducted using library research and field research methods such as surveys, focused interviews and photographic recordings. Data were analysed using the concept of change. The results showed that cotton batik in particular did not change in terms of the cotton material used to produce it. However, some other changes can be detected such as changes in the production of motif patterns, the process or technique of producing cotton batik, the design or form of use and the target of its users by entrepreneurs. The factors that change the focus of local batik entrepreneurs from producing silk batik to cotton batik in general are the factors of motif selection, price, demand, environment, regional relations and technological sophistication.

Keywords: cotton batik; silk batik; textile; Terengganu; heritage

PENGENALAN

Batik dianggap sebagai satu simbol atau lambang masyarakat Malaysia yang menjadi contoh kepada keutuhan masyarakat majmuk di rantau ini (Sharulnizam Ramli et.al., 2018). Istilah batik memiliki pelbagai maksud atau definisi. Dalam kajian Harozila Binti Ramli (2007) dijelaskan bahawa istilah batik di Malaysia adalah satu istilah yang berkaitan dengan karektor rekacorak, motif-motif yang tertentu dan juga proses menghalang bahan pewarna yang menggunakan lilin sebagai bahan perantara bagi melengkapkan istilah batik itu. Bagaimanapun menyentuh sejarahnya menurut Abdullah Jumain (1990) pada awalnya batik berasal dari Tanah Jawa dan telah dibawa masuk ke Tanah Melayu sejak berabad-abad yang lampau.

Keindahan batik yang menjadi daya tarikan kepada pemakainya adalah dilihat daripada corak dan motifnya. Menurut Siti Zainon Ismail (1986), walaupun proses penciptaan batik dipercayai sebagai pengaruh langsung dari Indonesia (yang terkenal dengan motif-motif atau corak dari lagenda Hindu) tetapi perkembangan corak batik Melayu mempunyai ciri yang berbeza. Menurut Munsyi Abdullah (1965), pada awal kurun ke-20 masyarakat di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu telah mengeluarkan kain batik sendiri dengan meniru cara penghasilan batik dari negara seberang iaitu Indonesia.

Menurut W. W. Skeat (1902), perusahaan batik di Kelantan dan Patani, tukang-tukang Melayu menggunakan bahan-bahan tempatan seperti asam gelugor, kesumba kling, belimbing masam, kunyit dan kapur bagi mencipta warna-warna pencelup untuk menghasilkan tenunan dan batik pelangi.

Terdapat pelbagai jenis batik seperti batik Lasem, batik Pekalongan, batik Solo dan batik Selapis. Kaedah penghasilan batik merangkumi alat-alat membatik seperti bahan pewarna, kain, lilin, kayu pemidang, canting berus dan kelopak batang pisang (Jasiman Ahmad dan Nora Samat, 2000).

Sarah Arney (1987) juga menjelaskan batik yang sedang berkembang di Malaysia pada abad ke 20 memperlihatkan bentuk tradisi baru dari segi jenis dan motif yang menonjolkan simbol perpaduan di samping pengekalan nilai warisan yang terus digemari oleh para pendokongnya dari kalangan masyarakat.

Industri batik merupakan sebuah industri yang bercorak tradisional. Pada masa lalu, kemahiran membatik dikenali sebagai kemahiran tradisional kerana kerja-kerja yang dilakukan untuk membuat kain-kain batik menggunakan kemahiran tangan dan ia sangat mementingkan aspek kesenian. Oleh itu, pengeluaran batik agak terhad pada masa itu. Namun, pada masa sekarang, pengeluaran batik dapat dilakukan dengan cepat dan banyak disebabkan oleh faktor penggunaan teknologi moden. Teknologi moden banyak membantu dalam pengeluaran barang-barang yang bermutu tinggi.

Sebagai anak bangsa Melayu, batik adalah warisan yang perlu dijaga. Kejadian alam dan tindakan manusia terhadap warisan budaya boleh merugikan dan ancaman kepada negara. Negara perlu memberi perhatian yang khusus dan sewajarnya terhadap warisan budaya. Warisan budaya pada dunia kini merupakan sesuatu yang amat bernilai dan memaparkan jati diri bangsa negara. (Mohd Yuszaidy, 2018)

TINJAUAN LITERATUR

Sudah banyak kajian, penulisan dan dokumentasi dilakukan tentang batik. Antara beberapa kajian mutakhir mengenai batik ialah kajian Hanipah Hussin et. al, (2011) yang menyatakan bahawa orang Melayu telah mencuba untuk membuat batik dengan menggunakan acuan kayu yang dicelup dengan lalu ditekap ke atas kain putih pada kurun ke-19. Namun kini, penggunaan lilin dijadikan sebagai bahan utama yang digunakan untuk mengasingkan warna sama ada dilukis dengan menggunakan canting ataupun diterap dengan blok-blok motif.

Seterusnya Mohamad Nur Hanif Hazman dan Harozila Ramli (2018) mengkaji aplikasi multimedia menerusi pembelajaran dan pengajaran mereka corak tekstil batik di mana pereka dapat menghasilkan reka corak yang sangat kreatif malah sangat menjimatkan masa dalam proses mereka corak tekstil batik.

Sharulnizam Ramli et.al. (2018) pula mengkaji representasi motif batik lukis di negeri Pahang untuk meneroka dan memahami proses penghasilan motif batik lukis di Pahang berdasarkan daripada sudut penjanaan idea, penggiat, ekspresi, representasi, persekitaran, kreativiti dan estetika bagi memahami pembuatan batik lukis di negeri Pahang sebagai warisan

seni Melayu yang perlu dipertahankan. Manakala Zamrudin Abdullah et. al. (2018) mengkaji ciri-ciri keindahan dalam penghasilan rekaan batik kontemporari berinspirasikan motif abstrak.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Data utama adalah diperoleh dari kajian lapangan. Sebuah syarikat persendirian milik Norizah binti Zakaria @ Zainuddin di Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu yang mula beroperasi sejak 2013. Sebelumnya, sejak dari 2004, beliau telah memulakan perniagaan dengan melakukan kerja-kerja menghasilkan batik ini di rumah beliau sendiri yang terletak di Kg. Rhu Muda, Marang, Terengganu. Dalam kajian lapangan, kaedah pemerhatian dan tinjauan digunakan. Fokus kajian adalah batik kapas. Tinjauan dilakukan dengan melakukan temu bual berfokus bersama dengan informan utama iaitu seorang pengusaha batik yang berpengalaman di Terengganu. Data sokongan diperoleh dari kajian perpustakaan bersumberkan kajian lepas yang terdiri dari pelbagai penulisan seperti buku, tesis dan jurnal. Data yang diperoleh perlu melalui proses bacaan rapi, penyaringan dan analisis kandungan berdasarkan konsep perubahan.

BATIK KAPAS

Sebelum penggunaan kain kapas dalam pembuatan batik, kain sutera terlebih dahulu digunakan. Perubahan telah berlaku apabila kain kapas pula digunakan selain kain sutera. Kain-kain putih kapas diimport dan dibekalkan daripada negara luar iaitu Indonesia dan China. Malaysia belum lagi dapat mengeluarkan kain kapas sendiri pada masa ini. Batik kapas bermaksud batik yang diperbuat dengan menggunakan kain putih yang berasal daripada kapas. Batik kapas lebih dikenali dengan nama batik *cotton* dalam dunia tekstil. Terdapat pelbagai jenis batik *cotton* dan penjenisannya kain kapas ini bergantung kepada percampuran material lain dengan kain kapas.

Material Kapas

Material kain kapas ini berasal daripada serat kapas. Kapas mempunyai keistimewaan untuk membolehkan kulit si pemakainya dapat bernafas dengan baik. Oleh itu, fabrik ini sangat sesuai jika dapat digunakan di Malaysia. Hal ini demikian kerana, jenis fabrik ini amat sesuai dengan iklim cuaca panas dan lembab di negara Malaysia. Material ini sangat banyak dijadikan bahan untuk membuat baju t-shirt, jubah, selimut, blouse, seluar dan sebagainya. Kain kapas juga mudah untuk dicuci. Walau bagaimanapun, tidak semua jenis kain dapat dimanfaatkan untuk membuat batik. Kain yang umum digunakan untuk membuat batik hanyalah kain yang bahannya berasal daripada sutera dan kapas.

Ciri-ciri asas bagi kain kapas ialah mudah menyerap, sedikit kaku apabila dipakai, kainnya cepat rosak jika direndam melebihi dua jam, tidak mudah berkedut, kotoran cepat hilang apabila dicuci, boleh dicuci dan berbau seperti kertas terbakar apabila material ini dibakar.

Seterusnya, terdapat pelbagai jenis kain kapas yang wujud dalam dunia tekstil. Antaranya Kapas Jepun (*Japanese Cotton*), Kapas Paris (*Cotton Paris*), Kapas sutera (*Cotton silk*) dan Kapas minyak dan Kapas biasa. Untuk membuat pakaian, penjenisian kain haruslah bersesuaian dengan pakaian dan keperluannya. Dalam membuat batik, pengusaha batik kebanyakannya menggunakan

kain kapas biasa yang berwarna putih. Kain putih ini menjadi dasar untuk membuat batik. Perkara ini dijelaskan lagi dengan kenyataan berikut:

“Kain putih yang berasal dari kapas sangat elok jika digunakan untuk membuat batik. Kain kapas mengandungi kanji. Sifat yang ada pada kanji akan dapat mengelakkan kain kapas itu daripada cepat koyak. Kanji tu juga dapat berfungsi untuk menyekat pewarna daripada merebak kepada warna lain yang boleh memburukkan proses pewarnaan kain itu. Saya biasanya akan basuh kain terlebih dahulu kain-kain putih selepas diambil dari pengeluar. Untuk mendapatkan batik yang bagus, sewaktu kita mencuci kain itu, sebaiknya kita guna campuran soda ataupun sabun.”

(Norizah Zakaria, 2020)

Daripada petikan di atas, dapat difahami bahawa material kain kapas sebenarnya mengandungi kanji yang boleh menghalang pewarna dan mengelakkan kain tersebut daripada cepat rosak. Kain-kain putih itu akan dicuci sebelum mereka menggunakan untuk membuat batik agar batik yang dihasilkan sangat bagus. Campuran soda atau sabun akan digunakan ketika proses mencuci kain kapas tersebut. Justeru, pengusaha-pengusaha batik memilih kain putih kapas kerana material kain ini sangat baik untuk membuat batik.

Jenis Batik Kapas

Pada hari ini, jenis-jenis batik masih kekal seperti dahulu. Bentuk perubahan yang berlaku disebabkan kecanggihan teknologi telah menghasilkan mesin pencetak yang boleh mencetak corak batik secara pukal. Di kilang Batik Desa Paloh, mereka menghasilkan batik canting dan batik pelangi kerana faktor perniagaannya yang kecil-kecilan sahaja. Kedua-dua batik ini dibuat dengan sendiri oleh pengusaha batik di premis itu iaitu Norizah Zakaria. Beliau menghasilkan batik ini mengikut kreativiti yang beliau inginkan dan tidak mahu terikat dengan tradisi batik yang sering disebut-sebut. Berikut adalah jenis batik yang dihasilkan oleh beliau:

a. Batik tulis

Batik tulis juga digelarkan sebagai batik canting. Untuk membuat batik canting, bahan dan peralatan yang diperlukan adalah kain putih yang diperbuat daripada kapas, lilin dan damar, alat pencanting, pewarna, pemati warna dan serbuk soda. Antara peralatan yang perlu ada ialah alat pencanting, pensel, berus, bekas untuk pewarna, dapur, periuk, pemidang, kuali, takungan air, penyidai dan seterika. Alat pencanting atau canting diperbuat daripada tembaga dan tempat untuk memegangnya diperbuat daripada kayu. Canting berperanan untuk meletakkan lilin yang panas dan menjadi penghalang kepada warna-warna pada batik supaya tidak bercampur. Sebelum dicanting, kain putih itu akan dilakarkan dengan reka corak dengan menggunakan pensel.

Batik tulis adalah sejenis batik yang dilukis dengan menggunakan tangan dan pelukis bebas untuk melukis sebarang corak pada kain. Terdapat beberapa jenis canting yang digunakan iaitu canting kasut, canting laras dua dan canting laras tiga. Setiap jenis canting mempunyai kegunaannya yang tersendiri. Keistimewaan batik lukis adalah

coraknya tidak akan sama dengan corak yang lain dan ia menjadi satu keunikan kepada setiap kain batik. Lihat Gambar 1. Perkara ini diperkuuhkan dengan kenyataan di bawah

“Kain batik canting tidak akan sama dengan corak pada kain lain. Walaupun pelukis itu meniru corak yang sama, tetapi pengakhirananya pasti ada juga kelainan. Itu satunya perkara yang membezakan batik canting dengan batik yang lain. Batik canting agak rumit untuk dihasilkan kerana memerlukan ketekunan pelukis. Batik ini juga mengambil masa yang lama untuk disiapkan.”

(Norizah Zakaria, 2020)



GAMBAR 1. Batik lukis
Sumber: Kajian Lapangan 2020

b. Batik pelangi

Batik pelangi merupakan batik yang mempunyai pelbagai warna pada kain. Kebanyakan batik pelangi dihasilkan pada kain kapas. Batik ini dianggap sebagai batik yang paling mudah untuk dihasilkan dan ramai yang mahir dalam membuat batik seperti ini. Bagi sejarah batik pelangi, batik ini dihasilkan oleh Minah Pelangi. Beliau merupakan tokoh pertama yang menghasilkan batik ini.

Pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin II, Minah Pelangi menjadi seorang tukang tenun istana dan beliau menghasilkan kain yang berwarna-warni. Teknik yang digunakan beliau gunakan adalah ikat celup dan selepas itu, teknik itu dikenali sebagai teknik pelangi.

Pada zaman awal kemunculan batik pelangi, pengusaha-pengusaha batik menggunakan warna-warna yang diperoleh daripada alam sekitar contohnya kulit buah-buahan, bunga-bungaan, akar, batang dan sebagainya. Namun, di kilang Batik Desa Paloh, pengusaha batik tidak lagi menggunakan warna-warna yang berasal daripada alam sekitar. Beliau menggunakan pewarna-pewarna yang dikeluarkan oleh kilang-kilang pewarna. Beliau turut menyatakan bahawa beliau berjaya mendapatkan pewarna yang sangat jimat kerana pewarna tersebut tidak perlu lagi menjalani proses pematiian warna selepas proses

pewarnaan, hanya perlu dijemur sahaja. Perkara ini menjadi satu perubahan dalam penghasilan batik pelangi di kilang beliau. Lihat Gambar 2.



GAMBAR 2. Batik pelangi
Sumber: Kajian Lapangan 2020

Penggunaan Batik Kapas

Batik kapas mempunyai pelbagai kegunaannya dalam kehidupan seharian. Banyak produk yang dihasilkan dengan menggunakan batik kapas untuk menampakkan nilai estetik pada sesuatu produk. Antara produk yang menggunakan batik kapas lazimnya baju kurung, blouse, kaftan, seluar, t-shirt, sarung tangan, cadar, beg dan sebagainya. Kain span rayon adalah kategori kain kapas yang sering menjadi pilihan pengusaha batik dalam menghasilkan produk-produk kerana materialnya yang tidak terlalu nipis, menyerap peluh dan selesa dipakai. Berikut merupakan contoh-contoh penggunaan batik kapas:



GAMBAR 3. Baju blouse
Sumber: Kajian Lapangan 2020

Kain kapas digunakan untuk membuat baju wanita iaitu blouse. Hasilnya kelihatan sangat “*simple*” tetapi menarik seperti dalam Gambar 3. Blouse ini juga sesuai digayakan untuk aktiviti-aktiviti santai.



GAMBAR 4. Kotak pensel
Sumber: Kajian Lapangan 2020

Antara kegunaan kain batik kapas juga adalah untuk menghiasi alas luaran pembuatan kotak pensel. Kotak pensel ini seperti dalam Gambar 4 sangat padan apabila digunakan oleh golongan wanita kerana kelihatan sangat feminin.



GAMBAR 5. Sarung botol minuman
Sumber: Kajian Lapangan 2020

Berdasarkan Gambar 5, kain batik kapas juga dimanfaatkan untuk membuat sarung botol minuman.



GAMBAR 6. Beg
Sumber: Kajian Lapangan 2020

Beg juga dihasilkan daripada kain batik kapas seperti dalam Gambar 6. Walaupun beg itu dihasilkan daripada material yang lain, tetapi tetap ada seni batik pada beg tersebut iaitu dari segi rekaan corak beg.

Jelaslah, terdapat pelbagai kegunaan batik kapas dalam kehidupan hari ini. Dengan munculnya kepelbagaian penggunaan batik, tidak mustahil warisan negara ini masih dapat dikekalkan sebagai warisan negara yang agung. Nilai estetik batik masih dapat dikekalkan walaupun berlakunya perubahan dari bentuk penggunaannya.

Motif Batik Kapas

Motif pembuatan batik merupakan corak-corak hiasan yang digunakan ketika proses penghasilan batik itu dilakukan. Terdapat beberapa bentuk motif batik, antaranya motif flora, fauna, geometri, abstrak dan bebas.

a. Motif flora

Motif flora bermaksud motif yang berunsurkan tumbuh-tumbuhan. Motif ini adalah motif yang mengandungi unsur-unsur keindahan. Penggunaan motif-motif flora bertujuan untuk melambangkan hubungan masyarakat dengan alam semula jadi sangat erat. Contoh motif flora terdiri daripada motif bunga raya, bunga mangga, bunga anggerik dan sebagainya. Pengolahan bagi perekaan motif adalah bergantung kepada kreativiti pereka motif. Pada masa kini, pengolahan motif orked dan bunga raya akan mengikut peredaran semasa. Lihat Gambar 7.



GAMBAR 7. Motif flora
Sumber: Kajian Lapangan 2020

b. Motif fauna

Mengikut kreativiti, motif fauna akan dilakar berdasarkan haiwan laut, darat dan udara. Di Malaysia ini, motif faunanya agak terhad kepada unggas dan serangga. Namun begitu, motif-motif fauna ini telah diubah suai mengikut daya kreativiti masyarakat terdahulu. Hidupan laut tidak digunakan. Jika di Indonesia, mereka menggunakan pelbagai unsur kerana mereka tidak merasakan keterbatasan untuk menggunakan sesuatu unsur. Penggunaan motif fauna menggambarkan hubungan yang erat antara masyarakat tradisional dengan persekitaran mereka.

c. Motif geometri

Bentuk geometri akan divariasikan kepada beberapa bentuk untuk menghasilkan motif geometri. Antara bentuk geometri yang dihasilkan adalah seperti perulangan motif dan corak yang menarik. Motif-motif geometri yang sentiasa digubah untuk dijadikan satu bentuk yang menarik adalah bentuk bulat, bentuk segi tiga, bentuk segi empat kon, bentuk bujur, bentuk segi empat sama dan pelbagai bentuk yang lain. Motif geometri ini boleh menghasilkan parang rusak, buntut siput, pilih berganda dan ceplok. Lihat Gambar 8.

d. Motif abstrak

Motif abstrak kebiasaannya akan direka mengikut kreativiti yang dimiliki oleh pelukis atau pelakar itu sendiri. Motif abstrak ini sangat sukar untuk ditafsirkan kerana motifnya jarang dilihat di mana-mana tempat. Motif abstrak kelihatan menarik tetapi maksud coraknya sukar ditafsirkan oleh sesiapa. Penghasilan motif abstrak sebenarnya adalah ekspresi emosi dalaman pereka tanpa disedari oleh pelakar itu sendiri. Antara contoh motif abstrak adalah wayang kulit, daun dan abstrak.



GAMBAR 8. Motif geometri
Sumber: Kajian Lapangan 2020

e. Motif bebas

Motif bebas bermaksud motif yang digunakan itu kebiasaannya mengikut trend terkini. Trend-trend terkini merujuk kepada perkara-perkara yang menjadi pilihan pemakai mengikut keadaan semasa. Kewujudan motif bebas ini menjadikan batik disukai oleh semua peringkat umur termasuklah golongan remaja. Contohnya apabila sesuatu isu menular, para pengusaha boleh memanfaatkan isu tersebut dengan membuat motif pada batik. Perkara ini akan menyebabkan ramai orang tertarik untuk membeli.

Proses Batik Kapas

Proses menghasilkan batik ini mempunyai pelbagai cara dan bergantung kepada teknik yang digunakan. Sekiranya ingin menghasilkan batik canting maka batik yang dihasilkan akan menggunakan teknik canting atau lukis. Teknik ini akan menghasilkan corak pada kain batik yang berbeza dengan corak yang lain. Walaupun tekniknya sama, coraknya sama, tetapi nilai kesenian yang ada pada kain batik itu akan berbeza-beza.

Teknik yang digunakan oleh perniagaan Batik Desa Paloh adalah lukis dan *tie and dye*. Hal ini kerana kepakaran yang dimiliki oleh pengusaha batik itu sendiri dalam kedua-dua teknik ini. Proses bagi penghasilan batik mengikut teknik *tie and dye* ialah dengan menyiapkan kain putih untuk aktiviti membatik. Mula-mula pembatik perlu membuat lipatan.



GAMBAR 9. Kain kapas putih
Sumber: Kajian Lapangan 2020

Seterusnya, kain (lihat Gambar 9) perlu diikat menggunakan getah dan dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut kreativiti pembatik itu sendiri. Selepas diikat, pembatik menuangkan warna pada kain tersebut bagi melakukan proses pewarnaan.



GAMBAR 10. Warna-warna yang digunakan
Sumber: Kajian Lapangan 2020

Setelah diwarnakan dengan pewarna-pewarna (lihat Gambar 10) kain untuk dikeringkan sekurang-kurangnya 6 jam (lihat Gambar 11). Apabila kain sudah kering, ikatan dibuka untuk mendapatkan hasil batik teknik ini. Jika kain sudah kering, pembatik dapat memasarkannya.



GAMBAR 11. Kain yang telah dibuka ikatannya dan dijemur
Sumber: Kajian lapangan 2020

Penjagaan Batik Kapas

Kain batik kapas juga mempunyai kualiti yang baik dan hampir sama taraf dengan kain batik sutera. Kain batik kapas mempunyai daya tarikannya yang tersendiri dan juga unik dari segi warna dan coraknya. Penjagaan kain batik kapas sangat mudah kerana ia tidak memerlukan cara yang khusus seperti kain sutera. Kain batik kapas boleh dijemur di bawah matahari tetapi bukanlah di bawah cuaca yang panas terik. Bagi teknik pencucian menggunakan mesin basuh, pastikan suhu air basuhan tidak melebihi 40 celcius. Jika kain kapas itu nipis pula, ia memerlukan suhu lembut iaitu tidak melebihi 30 celcius. Pakaian yang berwarna harus diasingkan dengan pakaian yang berwarna putih bagi mengelakkan berlakunya perlunturan warna. Berikut merupakan tips-tips tentang cara menjaga kain batik kapas:

a. Ketika membasuh

Sabun yang diguna haruslah dipastikan tidak mempunyai bahan kimia yang keras seperti peluntur atau ‘bleach’ untuk mencuci pakaian. Penggunaan pelembut fabrik juga perlu dielakkan kerana pelembut fabrik boleh memberi kesan kepada pernafasan kain batik kapas. Apabila kain batik kapas tidak dapat bernafas dengan baik, kain kapas akan menjadi cepat luntur dan warnanya menjadi kusam. Oleh itu, pengguna perlu memastikan agar tidak menggunakan peluntur yang boleh membuatkan kain itu menjadi tidak berseri.

Seterusnya, pengguna mesti mengelakkan daripada merendam kain. Semua jenis kain akan menjadi cepat reput sekiranya ia direndam dalam jangka masa yang sangat lama. Pengguna tidak boleh membiarkan kain itu begitu sahaja ketika membasuh, seelochnya selesaikan aktiviti mencuci sehingga kain itu dijemur di ampaian. Perkara ini adalah untuk mengelakkan pengguna daripada terlupa lalu membiarkan kain batik terendam lama. Rendaman yang agak lama boleh mengakibatkan warna dan kualiti kain terjejas.

Selain itu, pengguna perlu mencuci setiap kain itu secara terbalik. Bahagian yang berwarna perlu berada di bahagian dalam. Hal ini adalah untuk mengelakkan kain daripada terkena sabun pencuci secara terus. Sifat panas yang ada pada sabun boleh melunturkan warna pada batik. Dengan cara pencucian secara terbalik, kualiti dan warna batik kapas boleh bertahan lebih lama.

Cara basuhan yang elok adalah dengan membasuh kain batik kapas menggunakan tangan. Cucian tangan adalah cara paling lembut dan membolehkan pengguna untuk menjaga kualiti kain dengan baik. Penggunaan mesin basuh boleh menyebabkan benang-benang menjadi meregang dan putus. Kain batik akan kelihatan kembang, kesan daripada pencucian mesin basuh.

b. Ketika menjemur

Kain kapas haruslah dijemur secara terbalik untuk melindungi warna dan corak pada kain menjadi tidak berseri dan kelihatan kusam. Cara ini perlu diperaktikkan agar kualiti kain sentiasa terjaga dan boleh digunakan untuk jangka masa yang lama. Pastikan kain yang dijemur tidak terlipat ataupun berkedut. Seterusnya, elakkan daripada menjemur kain di bawah matahari. Cahaya matahari juga boleh memberi kesan kepada kain batik kapas. Sinaran UV bukan sahaja tidak elok untuk manusia, tetapi untuk kain batik kapas juga. Sinarannya yang berlebihan akan menyebabkan warna kain menjadi luntur dan benangnya cepat reput. Jadi, penjemuran kain batik kapas haruslah di tempat-tempat yang redup dan mempunyai pengaliran udara yang baik.

c. Ketika menggosok

Penyemburan air pada fabrik sebelum digosok adalah digalakkan. Perkara ini adalah untuk mengelakkan kain kapas terkena haba yang berlebihan daripada seterika yang sedang berfungsi itu. Haba yang berlebihan boleh menyebabkan kain mudah mereput dan cepat terkoyak. Jika ingin menggosok baju yang baru siap dikeringkan, pengguna perlu memastikan kain itu betul-betul kering iaitu 80% ataupun 2 jam selepas dijemur. Hal ini kerana, fabrik yang basah akan menjelaskan kualiti kain. Suhu yang digunakan juga perlu dititikberatkan. Terdapat seterika yang mengkhususkan suhu bagi kain jenis kapas. Cara ini akan memudahkan pengguna untuk menggunakan suhu yang betul bagi jenis kain kapas ini. Agak memakan masa yang lama apabila menggosok kain kapas kerana suhu yang digunakan itu adalah sederhana dan ia melambatkan proses menghilangkan kedutan pada kain. Gosok dengan terbalik juga boleh memelihara warna pada batik tersebut.

PERUBAHAN BATIK SUTERA KE BATIK KAPAS

Apa yang berlaku di masa sekarang ialah dapat dikesan kecenderungan sikap atau perubahan tumpuan para pengusaha batik tradisional di Terengganu dari mengutamakan penghasilan batik sutera kepada mengutamakan batik kapas secara meluas. Sebelum itu dikemukakan Jadual 1 berikut yang merupakan jadual bagi menjelaskan perbandingan antara batik sutera dan batik kapas masa kini serta perubahan-perubahan yang berhasil dikenal pasti.

JADUAL 1. Perbandingan Antara Batik Sutera dan Batik Kapas

Perkara	Batik Sutera	Batik Kapas	Bentuk Perubahan
Material	Sutera	Kapas	Tiada perubahan
Motif	Flora/fauna	Pelbagai	Penciptaan motif batik kapas tidak terhad
Proses/teknik	Canting, blok, skrin, ikat celup, canting, blok, skrin, printing	Ikat celup, canting, blok, skrin, printing	Teknik printing adalah kaedah baharu
Pewarnaan	Pudar	Tidak pudar	Masa untuk batik kapas pudar lebih lambat berbanding batik sutera
Kos pengeluaran	Mahal	Murah	Kain kapas lebih murah
Kegunaan	Pakaian	Pakaian, pengalas, kraftangan	Penggunaan batik kapas tidak terhad
Peringkat umur	Lelaki dan wanita	Lelaki, wanita dan kanak-kanak	Mesra pengguna kerana boleh dipakai oleh setiap lapisan umur
Penjagaan	Sukar	Senang	Batik sutera menggunakan pengeringan kering manakala batik kapas dicuci seperti biasa
Daya penyerapan	Sangat baik	Baik	Peluh dapat diserap dengan lebih baik bagi batik sutera
Pencahayaan	Tidak tahan cahaya matahari	Tahan dengan cahaya matahari	Batik kapas boleh terdedah dengan cahaya matahari

Secara pasti tiada perubahan dikesan tentang penggunaan material kapas dalam penghasilan batik di Terengganu di samping batik suteranya yang lebih awal. Namun perubahan lain pada batik kapas terkini dapat dikesan pada beberapa aspek lain seperti motif, proses/teknik, penggunaan dan pengguna atau pemakainya.

Dari sudut motif batik kapas, dapat dilihat masih terdapat motif alam dari flora dan fauna. Penggunaan motif alam cukup kuat pengaruhnya dalam kehidupan tradisi masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Hubungan erat antara masyarakat Melayu dengan alam persekitaran mereka telah membentuk satu pengaruh unik khususnya penggunaan unsur alam sebagai motif dalam aspek kesenian dan kebudayaan Melayu (Mohd Razaimi Hamat dan Mohd Yuszaidy, 2020). Namun motifnya tidak terhad kepada flora dan fauna bahkan turut dihasilkan dengan motif geometri, abstrak dan bebas. Ini menunjukkan kepada keluwesan seni batik Melayu tradisi seiiring dengan perkembangan dan kehendak zaman.

Dari sudut proses atau teknik batik kapas, pengusaha-pengusaha mempelbagaikan teknik seperti teknik *tie and dye*, canting, skrin dan printing. Ini menunjukkan kepada keupayaan dan kegigihan para pengusaha batik tempatan memperbaharui teknik mereka bagi memajukan lagi perusahaan ini.

Dari segi penggunaan batik kapas, dapat dilihat penggunaannya tidak terhad kerana telah diluaskan meliputi pakaian, kain pengalas dan kraftangan. Dari sudut penggunanya, batik kapas tidak hanya dihasilkan untuk lelaki dan perempuan dewasa malah disediakan juga untuk kanak-kanak. Dua sudut ini menunjukkan kepada kekreatifan dalam meluaskan skop kepenggunaan batik kapas dan kebijakan pengusaha meramaikan pengguna batik kapas dengan menambah kategori pengguna-pengguna batik kapas semasa.

Faktor Perubahan Batik Sutera ke Batik Kapas

Daei hasil penelitian yang dibuat dalam kajian ini diperoleh bahawa sekurang-kurangnya enam faktor berada di sebalik perubahan yang berlaku pada sudut tumpuan penghasilan batik tradisi dari jenis batik sutera ke jenis batik kapas khasnya oleh para pengusaha batik tempatan yang masih aktif di Terengganu pada masa kini. Enam faktor tersebut ialah seperti berikut:

a. Faktor pemilihan motif

Sensitiviti seorang pereka sangat diperlukan dalam penciptaan motif yang dikehendaki. Hal ini demikian kerana, seseorang pereka haruslah menghasilkan motif yang bersifat *versatile* dan boleh diterima atau diminati oleh para pemakai batik. Teknik-teknik yang dihasilkan oleh pembuat batik adalah bergantung kepada jenis batik yang ingin dihasilkan. Setiap jenis batik yang dihasilkan semestinya mempunyai komponen atau peralatan yang khusus tentang sesuatu batik itu. Ia akan menjadi lambing atau identiti terhadap sejenis batik yang dihasilkan. Sebagai contoh, kain sutera yang terhasil daripada air liur ulat sutera digunakan untuk menghasilkan batik sutera manakala kain kapas yang terhasil daripada pokok kapas pula dapat digunakan untuk menghasilkan batik kapas. Bagi batik canting atau batik tulis, peralatan khusus yang digunakan untuk menghasilkan batik ini adalah alat canting. Bagi batik pelangi pula, teknik ikat dan celup atau '*tie and die*' menjadi teknik yang asas bagi penghasilan batik pelangi. Bagi batik skrin pula, skrin atau pemidang menjadi alat utama untuk menghasilkan batik skrin. Oleh itu, setiap jenis batik akan mempunyai gaya persembahan motif yang tersendiri dan penciptaan motif haruslah bersesuaian dengan konsep batik dan jenis-jenis batik yang dihasilkan.

b. Faktor harga

Harga menjadi nilai ukur kepada masyarakat dalam pemilihan untuk berpakaian. Harga bagi batik sutera sangat mahal kerana pembuatannya yang berdasarkan kain sutera. Seperti yang kita ketahui, nilai kain sutera sangat agung. Pada zaman dahulu, kain sutera menjadi pakaian bagi golongan bangsawan. Bagi batik sutera pula, ia sering dipakai oleh orang-orang kenamaan. Sifat yang dimiliki oleh batik sutera menampakkan ketinggian imej seseorang. Persamaan batik sutera dahulu dan sekarang adalah dipakai oleh golongan yang berpangkat tinggi. Harga bagi batik sutera akan bermula dengan RM 200 hingga harga ribuan ringgit. Harganya ini bergantung pula kepada jenis material kain yang digunakan dan teknik penghasilannya. Bagi yang harganya murah, kain sutera itu kemungkinan besar memiliki campuran dengan material kain yang lain.

c. Faktor permintaan

Faktor permintaan batik kapas lebih tinggi kerana banyak elemen yang mempengaruhi pengguna untuk menggunakan batik kapas berbanding batik sutera. Penghasilan batik kapas sangat mendapat perhatian para pengusaha batik kerana terdapat ramai peminat batik kapas berbanding batik sutera. Para pengusaha perlu peka dengan trend semasa untuk menarik minat pembeli batik.

d. Faktor hubungan serantau

Disebabkan hubungan Indonesia dan Tanah Melayu begitu akrab, maka unsur-unsur kebudayaan seperti batik mula menerap masuk ke dalam kebudayaan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, hasil batik antara Indonesia dan Malaysia mempunyai kelainan. Atas faktor tempat yang berlainan, maka cara pemikiran pengusaha batik turut dipengaruhi oleh persekitaran mereka.

e. Faktor kecanggihan teknologi

Kecanggihan teknologi menjadi pencetus kepada kemajuan sesebuah syarikat perusahaan atau kilang dalam mengeluarkan barang mereka. Para pengusaha perlu memanfaatkan segala teknologi yang ada dengan memiliki teknologi tersebut dan digunakan dalam perusahaan mereka. Teknologi juga dianggap sebagai strategi untuk meningkatkan pengeluaran.

f. Faktor persekitaran

Bagi pengusaha-pengusaha batik yang merasakan warisan ini perlu dipelihara, maka mereka cuba untuk memikirkan cara untuk menaikkan kembali warisan ini. Timbulah corak atau motif yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Banyak perkara yang perlu ditimbang tara untuk menghasilkan batik yang lebih unik dan digemari ramai. Namun, perkara-perkara asas juga perlu dikekalkan untuk memastikan keaslian dan keistimewaananya tidak tenggelam.

Selari dengan perkembangan modenisasi, masyarakat Melayu juga telah mempunyai perkembangan dari sudut kreativiti dan daya cipta terhadap penciptaan dan membuat pembaharuan terhadap sesuatu perkara (Nurul Ain Hassan dan Muammar Ghaddafi, 2020).

KESIMPULAN

Kain kapas adalah material yang sangat bagus. Terdapat pelbagai kegunaan batik kapas pada hari ini dan secara tidak langsung, kegunaan kain kapas yang pelbagai telah memperkenalkan batik kapas secara meluas. Corak dan nilai keindahan yang ada pada kain kapas sangat unik dan mampu menarik perhatian ramai pengguna. Pengusaha-pengusaha batik kini lebih cenderung untuk memasarkan kain batik kapas berbanding batik sutera atas faktor-faktor yang tertentu. Teknik yang dihasilkan oleh Norizah Zakaria adalah teknik yang paling mudah dan cepat untuk menghasilkan batik. Masalah yang dihadapi oleh beliau adalah kekurangan modal untuk membeli mesin yang canggih dalam memajukan perusahaan batiknya disebabkan faktor kekurangan modal. Jadi, beliau berpendapat untuk meneruskan membuat batik dengan teknik yang paling mudah dan menjimatkan.

Keistimewaan batik kapas adalah lembut, sejuk dan menyerap peluh. Para pengusaha batik menjangka bahawa kain kapas akan menjadi alternatif pada masa kini kerana ramai yang telah mengetahui kehebatan, kelebihan dan keunikan material kain ini. Oleh itu, terdapat pelbagai koleksi rekaan batik yang berasaskan kain kapas dan bercirikan corak yang kontemporari, dinamik, geometrik dan urban. Batik kapas telah berjaya melahirkan koleksi yang universal dan konvensional.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih juga kepada informan-informan kajian ini terutamanya iaitu Puan Norizah Zakaria, dari kerana sudi meluangkan masa, berkongsi ilmu, serta pengalaman dan tunjuk ajar.

RUJUKAN

- Abdullah b. Abdul Kadir Munsyi. 1965. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Malay Publication.
- Abdullah Jumain Abu Samah. 1990. Batik: Sejarah dan Keistimewaan Tekniknya. *Akademika*, 37, 73 – 90.
- Arney, S. 1987. *Malaysian BATIK: Creating New Tradition*. Kuala Lumpur: Kraftangan Malaysia.
- Hanipah Hussin, Ruziah Ali & Ahmad Yusairi Bani Hashim. 2011. *Batik Lambang Warisan Teknologi dan Inovasi*. Penerbit UTeM.
- Harozila Binti Ramli. 2007. ‘Batik Painting’ dan ‘Painting Batik’ dalam Perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia. Unpublished Ph.D Thesis, UPSI.
- Hazman, M. N. H., & Ramli, H. 2018. Peranan Aplikasi Multimedia dalam Meningkatkan Inovasi Rekaan Corak Tekstil Batik. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 71-80.
- Jasiman Ahmad & Nora Samat. 2000. *Seni Tekstil*. Petaling Jaya: Penerbit Mega Setia Emas Sdn. Bhd.
- Mohd Razaimi Hamat & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2020. Motif Alam Flora dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan. *Jurnal Melayu*, 19(1) 2020, 35-53.

- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159.
- Nurul Ain Binti Hassan & Muammar Ghaddafi. 2020. Transformasi Struktur dalam Persembahan Ulik Mayang. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember 2020, 629-643.
- Sharulnizam Ramli, Sabzali Musa Kahn Mohd Nuri aacob. 2018. Representasi Motif Batik Lukis di Negeri Pahang: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29, 201-222.
- Siti Zainon Ismail. 1986. *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skeat, W.W. 1902. Silk and Cotton Dyeing by Malays. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 38, 123-127.
- Zakaria Ali. 1989. *Seni dan Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamrudin Abdullah, Sabzali Musa Khan, Siti Rohaya Yahaya & Mohammad Radzi Manap. 2018. Ciri-Ciri Keindahan dalam Penghasilan Rekaan Batik Kontemporari Berinspirasikan Motif Abstrak. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30, 236-269.

Biodata Penulis:

Nurul Aliah Sofea Binti Muhammad Bakti adalah graduan dari Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muammar Ghaddafi Hanafiah (Ph.D) adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Peradaban, Falsafah dan Tamadun Melayu/Budaya dan Pemikiran Melayu/Islam.